

RUMAH NGAJI @ AN-NUR TTJ; PENGGUNAAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA DALAM PENGAJARAN TAHFIZ SEPARUH MASA

Dr. Norazman Bin Alias
norazman@usim.edu.my

Dr. Anuar bin Hasin
Dr. Zainora binti Daud

Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Kertas kerja ini yang bersifat kualitatif akan menyentuh kepada penggunaan teknologi multimedia dalam kem hafazan separuh masa cuti sekolah yang dianjurkan oleh Rumah Ngaji @ An-Nur Taman Tuanku Jaafar, Sungai Gadut, Negeri Sembilan. Mendepani anak-anak zaman gajet kini seawal usia mereka tujuh tahun dalam proses PdP bukanlah suatu perkara yang mudah bagi seorang guru dalam dunia pendidikan apatah lagi dalam bidang pengajaran tahfiz. Hal ini adalah kerana, anak-anak gen Z dan A ini membesar serta terdedah dengan perkembangan dunia teknologi, internet dan gajet lebih pantas daripada ibu bapa mereka serta para guru. Menurut pakar pembelajaran abad ke-21, Profesor Datuk Dr. Norazah Mohd. Nordin dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendedahkan bahawa anak-anak alaf baharu cenderung untuk menjadikan pembelajaran lebih bersifat persendirian dan mereka mahu sentiasa dihubungkan. Menurut beliau lagi, anak-anak yang natif kepada gajet moden ini memerlukan guru yang kreatif dan sering melakukan inovasi dalam penyampaian ilmu. Namun, sejauh mana guru-guru mengambil tahu tentang perkara ini perlu dilakukan penyelidikan lebih lanjut. Menyedari hal ini, Rumah Ngaji @ An-Nur TTJ cuba mendepani cabaran tersebut dengan mengaplikasi metode penggunaan teknologi multimedia dalam pengajaran tahfiz kem hafazan separuh masa cuti sekolah. Kem hafazan yang bersifat separuh masa ini mensasarkan anak-anak yang berusia tujuh hingga 12 tahun. Kajian mendapati pada penganjuran pertama kem hafazan ini, seramai 30 peserta di kalangan anak-anak yang menyertainya dan sejumlah 6% iaitu dua peserta yang berjaya menamatkan sukatan hafazan surah al-Naba' dengan cemerlang bagi tempoh dua jam dan 30 minit.

Kata Kunci: *Rumah Ngaji @ An-Nur, Teknologi Multimedia, Tahfiz Separuh Masa*

1. PENDAHULUAN

Setiap generasi peringkat usia mempunyai pengalaman dan identity mereka yang tersendiri. Faktor perubahan zaman dan persekitaran telah dan akan membentuk pemikiran generasi yang lahir dan hidup pada suatu tempoh tertentu. Generasi juga menggambarkan siapa diri kita dan bagaimana kita melihat dunia dari kacamata sendiri. Menurut Lynn Lancaster and David Stillman, setiap generasi mempunyai personaliti mereka tersendiri seperti nilai, budaya, perspektif, personaliti dan kehidupan (Stillman, 2003) Meskipun terdapat perbezaan identiti antara setiap generasi, namun ia bukanlah menjadi batu penghalang dalam kesatuan antara generasi dalam menggapai kemajuan dan kebahagiaan yang diinginkan.

Dalam mengklasifikasikan generasi mengikut tahap usia manusia, Don Tapscott dalam bukunya *Grown Up Digital* membahagikan demografi manusia kepada beberapa kumpulan iaitu:

- *PreBaby Boom*: Lahir pada 1945 dan sebelumnya
- *The Baby Boom*: Lahir antara 1946 - 1964
- *The Baby Bust*: Lahir antara 1965 – 1976 (dikenali sebagai **Generasi X**)
- *The Echo of the Baby Boom*: Lahir antara 1977 – 1997 (dikenali sebagai **Generasi Y**)
- *Generation Net*: Lahir antara 1998 – 2009 (dikenali sebagai **Generasi Z**)
- *Generation Alpha*: Lahir pada 2010 sehingga kini (dikenali sebagai **Generasi A**) (Tapscott, 2008)

2. PENGENALAN GENERASI Z DAN A

Timbol suatu persoalan di kalangan masyarakat hari ini iaitu “Kenapakah dipanggil Generasi Alpha atau Gen-A selepas panggilan Generasi Z?” Hakikatnya, pakar sosiologi telah kehabisan alphabet Latin yang digunakan iaitu X, Y dan Z dalam memberi definisi kepada pecahan generasi mengikut tahap usia seseorang. Rentetan itu, pembahagian generasi ini dimulakan kembali dengan alphabet Roman iaitu A, B dan C. (Abdullah, 2012)

Menurut seorang pengkaji, Khairul Abdullah (2012), Gen-A adalah generasi yang paling berpelajaran tinggi. Mula bersekolah seawal usia 3-4 tahun dan menamatkan pengajian selewat umur 27 tahun. Kajian pakar sosiologi mengatakan bahawa Gen-A merupakan generasi yang paling terpelajar di dalam sejarah generasi manusia. Merupakan anak kepada generasi Y dan Z, yang lebih berkemampuan, dengan bilangan anak yang sedikit dan dengan pelbagai pilihan hiburan dan juga teknologi, generasi ini merupakan generasi yang sangat materialistik.

Menurut Tapscott (2008) pula, generasi Z dan A adalah generasi teknologi. Mereka telah mula melayari internet dan laman sesawang seiring dengan usia mereka sejak mereka masih belum bercakap. Generasi ini telah dibimbing dan digalakkan oleh ibu bapa menggunakan dunia laman

sosial sejak kecil lagi. Dengan kata lain, generasi Z dan A membesar dan hidup di dalam alam dunia yang semuanya berhubung menerusi teknologi sejak dari mereka kecil lagi.

Meskipun begitu, perkembangan tumbesaran pemikiran generasi Z dan A dalam menguasai dunia teknologi seawal usia mereka pada hari ini sedikit-sebanyak telah menggusarkan hati banyak pihak khususnya para ibu dan bapa di serata dunia. Ramai yang melihat kepada kebarangkalian timbulnya pelbagai perkara negative dan masalah akibat terpengaruh dan terdedahnya generasi Z dan A dengan alam dunia tanpa sempadan.

Walaupun terdapat kebimbangan di kalangan ibu bapa apabila mendapati anak-anak mereka menghabiskan terlalu banyak masa berinteraksi secara online berbanding di alam nyata, hakikatnya teknologi bukanlah alat yang dianggap memberi kesan buruk bahkan memudahkan pergerakan dan penghantaran maklumat yang cepat. Justeru, generasi Z dan A melihat faedah teknologi sebagai alat komunikasi yang bersifat 'nyata dan realistik'. Mereka masih dapat bersama ahli keluarga dan rakan-rakan di seluruh negara, atau bahkan seluruh dunia, tanpa perlu berada di ruang fizikal yang sama. Malah, cara mereka berkomunikasi melalui sistem pesanan ringkas seperti SMS, WhatsApp, Skype, Messenger dan sebagainya menambah kepada aliran dialog merangkumi interaksi visual sebenar yang berterusan. (Ismail, 2015)

Menurut Khairul Abdullah (2012) lagi, antara ringkasan ciri-ciri Generasi Z dan A yang diramalkan oleh para pengkaji sosiologi adalah:

- Mewarisi kemewahan material dari Generasi X dan Y iaitu ibu bapa mereka.
- Berpelajaran tinggi
- Hidup dibantu oleh gajet-gajet berteknologi tinggi.
- Tidak mempunyai skill atau kemahiran yang banyak dan tidak berminat untuk menambah kemahiran dari yang sedia ada.
- Obsesi dengan benda/alat/produk baru dan apabila sudah bosan akan membuangnya dan digantikan dengan yang lebih baru.
- Diramalkan yang kebanyakan mereka akan mengalami obesiti atau berat badan yang berlebihan akibat kurang pergerakan kerana hidup di dalam dunia teknologi yang semuanya berada di hujung jari tanpa perlu keluar dari rumah.
- Kurangnya semangat sosial dan kejiiran.

3. PERMASALAH KAJIAN

Tidak kira masyarakat, bangsa mahupun agama, semua ibu bapa di dunia hari ini mahu setiap anak yang dilahirkan, dididik dan diasuh menjadi insan yang berguna serta berjaya dalam kehidupan mereka kelak. Namun, mengasuh dan mendidik tidak pernah mudah, sebaliknya kian mencabar dari hari ke hari khususnya dalam membesarkan anak-anak Generasi Z dan A. Malahan, setiap pilihan dan keputusan dibuat perlulah sentiasa rasional, berpaksikan kepada rasa tanggungjawab, kasih-mengasihi dan hormat-menghormati.

Begitu juga dalam aspek mendidik anak-anak dalam pengajian al-Quran. Sejak kecil lagi, Generasi X dan Y diajar dengan didikan yang jelas kontra berbanding dengan anak-anak Generasi

Z dan A. Rotan dan suara guru al-Quran yang tegas merupakan antara kenangan indah yang dialami oleh para ibu bapa hari ini sewaktu mereka kecil dalam mempelajari bacaan al-Quran.

Namun begitu, perkara ini sedikit berbeza dalam mendepani realiti cabaran mendidik anak-anak Generasi Z dan A pada hari ini. Meskipun perkara ini menjadi kerisauan di kalangan Generasi X dan Y, terdapat sudut pandang positif yang perlu dilihat dan dipantau oleh para ibu bapa agar pengetahuan dan penguasaan teknologi di kalangan anak-anak dapat dimanfaatkan demi kebaikan mereka.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif akan menyentuh kepada penggunaan teknologi multimedia dalam kem hafazan separuh masa cuti sekolah yang dianjurkan oleh Rumah Ngaji @ An-Nur Taman Tuanku Jaafar, Sungai Gadut, Negeri Sembilan dengan menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis dokumen di mana pengkaji membuat penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan, jurnal, buku, artikel prosiding dan laporan.

5. RUMAH NGAJI @ AN-NUR, TAMAN TUANKU JAAFAR

RUMAH NGAJI adalah merupakan suatu program pembelajaran al-Quran yang tidak bermotifkan keuntungan, telah diasaskan oleh Kumpulan Media Karangkrif Malaysia. Sehingga kini lebih daripada 400 Rumah Ngaji telah ditubuhkan di seluruh negara. Idea penubuhan Rumah Ngaji @ An-Nur TTJ telah dicetuskan oleh Ustaz Dr. Norazman bin Alias, pensyarah di Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Banyak program dan kelas pengajian al-Quran bertajwid dan *talaqqī* bersanad telah dijalankan dalam menyumbang khidmat kepada penduduk di sekitar Taman Tuanku Jaafar.

Pada bulan November 2018, salah seorang peserta program beliau iaitu Datin Dr. Murtaziah binti A. Shukor telah bermurah hati mewakafkan sebuah rumah miliknya di Taman Tuanku Jaafar untuk dijadikan premis tetap untuk pembelajaran al-Quran, yang akhirnya ditukar menjadi premis Rumah Ngaji @ An-Nur TTJ setelah didaftarkan di bawah senarai Rumah Ngaji, Kumpulan Media Karangkrif Malaysia.

Rumah Ngaji @ An-Nur TTJ merancang untuk menyediakan khidmat pembelajaran al-Quran secara menyeluruh dengan memberi keutamaan kepada pembelajaran al-Quran seperti ilmu *qirā'āt*, *taḥsīn* al-Quran, *talaqqī* bersanad, hafazan, ilmu *lughah* al-Quran dan tuisyen bahasa Arab untuk pelajar sekolah di peringkat rendah dan menengah. Program seumpama ini akan dibuka kepada penduduk setempat dan sekitarnya untuk semua peringkat umur dari peringkat kanak-kanak sehingga peringkat dewasa. (Alias, 2019)

6. KEM HAFAZAN DAN FARDHU AIN (SIRI 1)

Rumah Ngaji @ An-Nur TTJ telah memanfaatkan musim cuti persekolahan pertengahan tahun dengan menganjurkan Kem Hafazan dan Fardhu Ain buat julung kalinya pada 27 Mei 2019 hingga 31 Mei 2019 kepada anak-anak masyarakat setempat. Kem hafazan yang bersifat separuh masa ini mensasarkan penyertaan di kalangan anak-anak sekolah rendah yang berumur dalam lingkungan 7 tahun sehingga 12 tahun bagi mengisi masa ruang cuti persekolahan mereka dengan program keagamaan dan kerohanian. Antara objektif penganjuran kem hafazan ini ialah:

1. Melahirkan generasi pelapis yang suka mendampingi al-Quran
2. Membina minda asas hafazan surah-surah pilihan di dalam diri peserta
3. Memperkemarkan amalan fardhu ain dalam kehidupan peserta

Menurut Penaung Rumah Ngaji @ An-Nur TTJ, Datin Dr. Murtaziah binti A. Shukor (2019), program yang diadakan selama 5 hari itu bukan sekadar kem hafazan semata-mata sebaliknya dipenuhi juga dengan modul solat sunat dan sirah Rasul. “Anak-anak pula akan didedahkan dengan penggunaan teknologi multimedia dalam teknik hafazan surah-surah pilihan bagi membantu mereka menghafaz al-Quran dengan lebih mudah”.

Dengan bimbingan guru jemputan, Ustaz Husaini bin Mahmur yang merupakan Johan Qari Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2019, para peserta akan dibekalkan dengan sebuah modul hafazan, sumbangan mushaf al-Quran dan sijil penyertaan.

Beliau berkata, pada musim cuti sekolah, meskipun pihak Rumah Ngaji An-Nur mensasarkan penyertaan kali pertama seramai 20 orang sahaja, pun begitu seramai 31 peserta di kalangan anak-anak dari taman perumahan setempat mahupun di kawasan lain telah menunjukkan minat untuk menyertai kem hafazan separuh masa ini.

7. TEKNOLOGI MULTIMEDIA DALAM PENGAJARAN TAHFIZ SEPARUH MASA

Dalam zaman teknologi yang semakin maju kini, pelbagai pembangunan dan penambahan aplikasi multimedia di dalam sistem pengajaran telah mencapai satu tahap yang tinggi. Pada hakikatnya teks, grafik, audio dan video sudah lama digunakan untuk menyampaikan sesuatu maklumat tetapi elemen tersebut digunakan secara berasingan dan disampaikan sebagai unsur tersendiri. Masalah ini wujud disebabkan oleh ketiadaan teknologi untuk menyatupadukan setiap media atau pelbagai media. Kewujudan multimedia dapat membantu dalam menyelesaikan masalah tersebut.

Multimedia adalah berdasarkan kepada dua perkataan utama iaitu ‘Multi’ dan ‘Media/medium’. Multi bermaksud banyak, pelbagai di mana ia menandakan terdapat lebih daripada satu media wujud dalam sesuatu aplikasi. Media pula merujuk kepada alat atau pengantara untuk menyampaikan sesuatu maklumat seperti teks, grafik, audio, video dan animasi. Aplikasi Multimedia pula adalah aplikasi yang dibangunkan dengan menggabungkan koleksi pelbagai media seperti teks, grafik, audio, video dan animasi serta mempunyai ciri-ciri interaktiviti. (Sharif, 2012)

Persoalan yang timbul di sini pula ialah bagaimanakah penggunaan teknologi multimedia dapat membantu dalam pengajaran tahfiz separuh masa?

Berdasarkan kepada definisi multimedia yang dinyatakan, dapat difahami bahawa terdapat pelbagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) khususnya bagi membantu anak-anak untuk menghafaz al-Quran. Antara medium yang boleh diguna pakai ialah:

1. Compact Disk Read-Only Memory atau lebih dikenali sebagai CD-Rom

Antara kaedah pengajaran yang sesuai digunakan adalah melalui CD-ROM. Ia merupakan alat bantu mengajar yang berkesan kerana dapat memudahkan pengajaran berkaitan bidang al-Quran seperti hafazan, tarannum dan qira'at. Kaedah yang paling sesuai untuk guru ialah *talaqqī* dan *mushāfahah*. Dalam kaedah ini, guru akan berhadapan secara langsung dengan pelajar untuk mendengar dan memperbetulkan bacaan pelajar. Namun, disebabkan kekangan peruntukan masa yang terhad khususnya kem hafazan separuh masa seperti ini, maka guru tidak mungkin berkesempatan untuk bertalaqqī dengan setiap pelajar hanya dalam lingkungan masa 2 hingga 3 jam. Penggunaan CD-ROM sedikit-sebanyak dapat membantu guru dan pelajar kerana mudah dibawa, mudah dipelajari, mudah dimiliki dan bersifat pembelajaran sendiri.

2. Telefon Pintar

Pelbagai perisian dan aplikasi mudah alih di dalam telefon pintar telah dibangunkan untuk menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam bidang hafazan al-Quran mudah dan cepat berbanding secara tradisional. Beberapa aspek pengetahuan tentang al-Quran dikaji dan dibangunkan bagi menghasilkan rekaan aplikasi dan sistem yang mampu memberi kesan yang baik kepada pengguna. Kaedah dan teknik hafazan al-Quran menjadi mudah dengan kemudahan capaian internet serta adanya pembangunan perkakasan dan perisian dalam bentuk pendigitalan. Dengan perkembangan teknologi zaman kini, penggunaan telefon pintar yang boleh dibawa ke mana sahaja amat mudah dan membantu setiap pengguna untuk memperoleh sumber maklumat apatah lagi menghafaz serta mengulang kaji hafazan al-Quran. Antara *software* yang boleh dimuat turun dan diguna pakai secara meluas di android dan ios berkaitan mushaf al-Quran ialah *Qur'an for Android* dan *The Quran*.

3. Komputer

Ramai pendidik percaya bahawa komputer dapat membantu pelajar dalam mempelajari kaedah membaca dengan betul melalui metode interaktif. Kandungan subjek boleh dilaksanakan secara berkesan melalui aplikasi Agen Pedagogi Animasi (APA) kerana ia berjaya meningkatkan penglibatan dalam proses pembelajaran. Kajian oleh Dayang Hajah Tiawa Awang Haji Hamid (2013), membuktikan antara sebab utama pelajar mempunyai tahapm kecekapan yang rendah dalam membaca surah adalah kerana pelajar tidak mempunyai minat dalam pembelajaran surah. Menurut Nor Musliza Mustafa (2014), proses ajaran surah adalah bukan secara interaktif dan guru agama mengajar secara satu arah dan jelas bahawa pelajar secara membuta tuli mengulangi dan membaca surah selepas guru dan kaedah ini boleh menyebabkan motivasi pelajar semakin merosot. Di samping itu, kajian rintis yang sama, tiga agama guru telah ditemubual dan mereka berpandangan pembelajaran dan motivasi pelajar dapat dipertingkatkan

melalui pembangunan rekabentuk pengajaran yang interaktif dan dilengkapi dengan teknologi moden.

4. Al-Quran Pen Reader

Al-Quran Digital Read Pen ialah pen yang boleh membaca al-Quran tetapi ia tidak boleh menulis. Keistimewaannya ialah teknologi *read pen* yang membaca ayat per ayat dan surah per surah apabila mata pen menyentuh pada mana-mana ayat atau surah, maka ia akan mengeluarkan suara bacaan mengikut qari pilihan kita. *Al-Quran Digital Read Pen* merupakan gajet digital Islamik yang membantu semua golongan yang ingin belajar membaca al-Quran dari peringkat asas dengan mudah dan cepat melalui inovasi terkini iaitu pen pintar. Tidak seperti gajet digital Islamik yang lain, *Al-Quran Digital Read Pen* adalah mesra pengguna dan mudah digunakan oleh semua peringkat umur. Dalam konteks mendidik anak-anak, mungkin set pen digital al-Quran merupakan satu pilihan kerana ia bertindak sebagai *scanner* atau pengimbas kepada huruf-huruf yang dicetak pada naskhah al-Quran. Al-Quran itu pula diperbuat daripada kertas yang mempunyai kod. Bagaimanapun, pada mata kasar kod-kod berkenaan tidak kelihatan. Ia hanya boleh dilihat sekiranya menggunakan kanta pembesar. Pengguna boleh nampak dengan jelas grid yang ada di belakang tulisan pada mushaf al-Quran tersebut. Pada grid berkenaan, dimasukkan kod tertentu dan apabila pen diletakkan, alat pengimbas yang padanya akan mencetuskan bunyi tertentu berdasarkan kod tertentu. Pen ini mampu menyimpan hampir 480,000 kod tetapi ia tidak berfungsi pada mushaf al-Quran biasa kerana tidak memiliki kod.

8. Analisa Pencapaian Peserta Kem Hafazan dan Fardhu Ain (Siri 1)

Kem Hafazan dan Fardhu Ain (Siri 1) anjuran Rumah Ngaji @ An-Nur TTJ yang berlangsung pada 27 Mei sehingga 31 Mei 2019 ini telah menggunakan pakai sebuah modul hafazan yang dibangunkan bersesuaian dengan peringkat usia anak-anak.

Modul yang dibangunkan ini akan menggunakan teknologi multimedia iaitu penggunaan komputer dengan memperdengarkan beberapa kali audio bacaan bagi setiap silibus secara ulangan. Kaedah mendengar audio dan pelajar mengikuti bacaan tersebut merupakan salah satu metode *talaqqī* secara *mushāfahah* iaitu kaedah *talqīn*. (al-Salum, 2010) Kaedah ini merupakan proses pembelajaran al-Quran yang paling tinggi dan diamalkan secara meluas sejak daripada penurunan wahyu melalui perantaraan Jibril as sehinggalah pada zaman *qurrā'*. Antara mereka yang menggunakan kaedah *talqīn* ini ialah Qalun daripada Nafi'. Berkata (al-Jarmi, 2001), Imam Ibn al-Jazari turut *mentalqīn*kan bacaannya kepada muridnya yang ramai ketika beliau berada di Kaherah lalu muridnya membaca kembali bacaan beliau.

Berikut ialah perincian jadual dan silibus hafazan sepanjang tempoh kem tersebut berlangsung:

KEM HAFAZAN DAN FARDHU AIN (SIRI 1)
RUMAH NGAJI @ AN-NUR, TAMAN TUANKU JAAFAR

Hari/Jam	8.30	8.45	9.15	9.45	10.15	10.30	11.45	12.00
Isnin 27 Mei 2019	Solat Dhuha	Kaedah Menghafaz	Mari Mendengar	Sesi Hafazan 1	R	Sesi Tasmik 1	Cerita Para Nabi	B
Selasa 28 Mei 2019	Solat Dhuha	Mari Mendengar	Sesi Hafazan 2	Ulang Hafazan 1	E	Sesi Tasmik 2	Cerita Para Nabi	A
Rabu 29 Mei 2019	Solat Dhuha	Mari Mendengar	Sesi Hafazan 3	Ulang Hafazan 2	H	Sesi Tasmik 3	Cerita Para Nabi	L
Khamis 30 Mei 2019	Solat Dhuha	Mari Mendengar	Sesi Hafazan 4	Ulang Hafazan 3	A	Sesi Tasmik 4	Cerita Para Nabi	I
Jumaat 31 Mei 2019	Solat Dhuha	Mari Mendengar	Sesi Hafazan 5	Ulang Hafazan 4	T	Sesi Tasmik 5	Cerita Para Nabi	K

- Hafazan 1: Surah al-Naba', ayat 1-20
- Hafazan 2: Surah al-Naba', ayat 21-30
- Hafazan 3: Surah al-Naba', ayat 31-40
- Hafazan 4: Surah al-Nazi'at, ayat 1-15
- Hafazan 5: Surah al-Nazi'at, ayat 16-33

JADUAL TSMIK

KEM HAFAZAN DAN FARDHU AIN (SIRI 1), 2019

SURAH AL-NABA' DAN SURAH AL-NĀZI'ĀT

	Nama	Hafazan 1	Hafazan 2	Hafazan 3	Hafazan 4	Hafazan 5	Catatan
1.	Qais Nor'aisyah Einsyirah binti Norazman	√	√	√			
2.	Qais Norasma' Siddieqah binti Norazman	√	√	√			
3.	Nur Myra Hanisah binti Hisam	√	√				
4.	Hadif Qushayyi bin Hamka	√					
5.	Nur Elya Kautsar binti Norbahari	√					
6.	Aqil Luqman bin Norbahari	-	-	-	-	-	Tidak hadir
7.	Muhammad Firdaus bin Noraini	√	√				
8.	Muhammad Hakimi bin Mohd Yazid	√					
9.	Damia Humairah binti Dzul Helmi	√					
10.	Aisyah Zinnirah binti Dzul Helmi	√					
11.	Ahmad Nazeef Dany bin Zulkifli	√					
12.	Ahmad Faris Arsyad bin Abdullah	√	√				
13.	Ahmad Naufal bin Nor Mohd Shafei	√					
14.	Aina Nuha binti Nor Mohd Shafei	-	-	-	-	-	Tidak hadir
15.	Muhammad Azfar Naqib bin Mohd Fadzly	√	√	√			
16.	Muhammad Zarif Iskandar bin Zul Azmi	√					
17.	Ammar Rizqi bin Faisal	√					
18.	Muhammad Atiffuddin bin Mohd Mehrad	√					
19.	Nurhumairaa Shahmina binti Mohd Rashid	√	√	√			
20.	Ahmad Danish bin Ahmad Khuzairi	√	√				
21.	Aneesa Amanda binti Abdul Azim	√					
22.	Muhammad Madhani Osman bin Abdul Azim	√					
23.	Muhammad Luqmanul Hakim bin Muhd Khir	√					
24.	Damia Nurhanani binti Muhd Khir	√					
25.	Aidil Rafiq bin Hafiza	√					

26.	Khadeeja Maisara binti Helmi	√					
27.	Aleesya Qistina binti Ahmad Khuzairi	√					
28.	Ahmad Bukhari bin Zainal Abidin	√					
29.	Mukhriz Miza	√					
30.	Iman Naim bin Mohd. Hafiz	√					
31.	Nurin Qairene	√					

Jadual Tasmik di atas menunjukkan penyertaan anak-anak bagi program ini amatlah memberangsangkan di mana jumlah peserta yang berdaftar ialah seramai 31 orang (2 peserta tidak hadir). Silibus yang ditetapkan pula ialah hafazan surah *al-Naba'* dan surah *al-Nāzi'āt* di mana ia dibahagikan kepada 5 sesi hafazan iaitu Hafazan 1 (surah *al-Naba'*, ayat 1-20), Hafazan 2 (surah *al-Naba'*, ayat 21-30), Hafazan 3 (surah *al-Naba'*, ayat 31-40), Hafazan 4 (surah *al-Nāzi'āt*, ayat 1-15) dan Hafazan 5 (surah *al-Nāzi'āt*, ayat 16-33). Berdasarkan kepada data yang diperolehi, tiada seorang pun peserta yang berjaya menamatkan hafazan bagi kedua-dua surah sebagaimana yang ditetapkan. Namun begitu, terdapat 4 peserta yang berjaya menghafaz sehingga Hafazan 3 iaitu menamatkan hafazan surah *al-Naba'* secara sempurna iaitu Qais Nor'aisyah Einsyirah binti Norazman, Qais Norasma' Siddieqah binti Norazman, Muhammad Azfar Naqib bin Mohd Fadzly dan Nurhumairaa Shahmina binti Mohd Rashid. Bagi silibus Hafazan 2 pula, seramai 8 peserta yang berjaya menghafaz surah *al-Naba'* dari ayat 1 hingga 30. Adapun baki peserta secara umumnya berjaya menamatkan silibus Hafazan 1 iaitu surah *al-Naba'* dari ayat 1 hingga 20.

Secara umumnya, pihak Rumah Ngaji @ An-Nur TTJ selaku pengajur program kem hafazan yang julung kali diadakan ini amatlah berbangga dengan pencapaian yang ditunjukkan di kalangan anak-anak peserta ini. Hal ini dapat dilihat di mana meskipun tiada seorang peserta yang berjaya menamatkan silibus kedua-dua surah yang ditetapkan, pun begitu dengan jumlah masa yang terhad iaitu 30 minit bagi setiap sesi Hafazan (berjumlah 2 jam 30 minit bagi 5 sesi Hafazan), terdapat 4 peserta yang berjaya menghabiskan hafazan surah *al-Naba'* secara sempurna. Ini menunjukkan bahawa metode *al-Talqīn* dengan penggunaan teknologi multimedia dalam kem hafazan separuh masa seumpama ini amatlah sesuai dan membantu peserta dalam menghafaz surah-surah pilihan dalam tempoh masa yang terhad.

9. CADANGAN DAN PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengisian program keagamaan dan kerohanian seperti kem hafazan dan sebagainya ketika musim cuti persekolahan amatlah bersesuaian dan dapat membantu ibu bapa dalam pengisian masa cuti anak-anak dengan aktiviti yang berfaedah. Hal ini dapat dilihat dengan penyertaan peserta yang ramai dalam program Kem Hafazan dan Fardhu Ain (Siri 1) yang dianjurkan oleh pihak Rumah Ngaji @ An-Nur TTJ pada cuti pertengahan tahun 2019. Meskipun, program yang pertama kali diadakan ini tidak berjaya mencapai sasaran yang diharapkan, namun anak-anak dapat mempelajari teknik hafazan baharu dengan metode *al-Talqīn* menerusi penggunaan teknologi multimedia. Hal ini adalah kerana keunikan anak-anak generasi Z dan A yang mempunyai ciri-ciri seperti hidup dibantu oleh gajet-gajet berteknologi tinggi dan obsesi dengan benda/alat/produk baru amatlah membantu dalam proses PdP yang menggunakan teknologi multimedia. Kejayaan 4 peserta yang menamatkan hafazan surah *al-Naba'* secara sempurna telah memberikan motivasi kepada pihak Rumah Ngaji @ An-Nur TTJ untuk menganjurkan lagi kem hafazan seumpama ini di masa akan datang, insya-Allah.

10. RUJUKAN

- Abdullah, K. (2012, April 13). *khairulabdullah.com*. Retrieved from <https://khairulabdullah.com/generasi-alpha-generasi-selepas-xy-z/>
- Alias, N. b. (2019). *Rumah Ngaji An-Nur*. Retrieved from <https://www.facebook.com/RUMAHNGAJIANNURTTJ/>
- al-Jarmi, I. b. (2001). *Mu'jam 'Ulum al-Quran*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- al-Salum, A. b. (2010). Turuq Talaqqi al-Quran 'Inda al-Qurra'. *Al-Jundiy al-Muslim*.
- Awang, M. M. (2017, Mei 16). *Rencana: Cabaran Guru Alaf Baru*. Retrieved from Utusan: <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/cabaran-guru-alaf-baharu-1.481908>
- Dayang Hj Tiawa Awang Hj Hamid, A. H. (2013). The Systematic Development and Implementation of a Blog in the Teaching and Learning of a Religious Verse. *Journal of Education*, 168-176.
- Ismail, S. M. (2015). *Jabatan Perkhidmatan Awam*. Retrieved from https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/Generasi_Z.pdf
- Nor Musliza Mustafa, M. B. (2014). PERBANDINGAN KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN TRADISIONAL DAN MODEN: SATU KAJIAN AWAL. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR*, (pp. 827-834). Kota Kinabalu.
- Sharif, N. b. (2012). *KESAN PENGGUNAAN MULTIMEDIA DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK YANG BERBEZA GAYA KOGNITIF*. Parit Raja: Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM.
- Shukor, D. D. (2019, Mei 27). Kem Hafazan dan Fardhu Ain (Siri 1). (D. N. Alias, Interviewer)
- Stillman, L. L. (2003). *When Generations Collide: Who They Are. Why They Clash*. Harper Collins.
- Tapscott, D. (2008). *Grown Up Digital: How the Net Generation is Changing Your World*. McGraw-Hill.